

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Kursus Semasa Cuti Panjang

Sidang Akademik 1999/2000

April 2000

HKT 502: Teori Dan Kaedah Penyelidikan Sastera

Masa: [3 jam]

KERTAS SOALANINI MENGANDUNGI ENAM (6) SOALAN DI DALAM DUA (2) HALAMAN.

Jawab **EMPAT** (4) Soalan Sahaja, **DUA** (2) Soalan daripada setiap Bahagian.

BAHAGIAN A

1. Anda dikehendaki menjalankan penyelidikan berkenaan dengan kepususan cerita rakyat dan langkah pemuliharaannya. Pilih satu tajuk yang sesuai untuk penyelidikan itu dan kemukakan satu kertas cadangan atau proposal yang ringkas tetapi menyeluruh dengan menekankan soal metodologi yang akan digunakan.
2. Apakah yang dimaksudkan dengan kodikologi? Terangkan dengan jelas gerakkerja dan langkah-langkah yang diambil oleh seseorang ahli Filologi untuk menghasilkan satu edisi bagi sesebuah teks.
3. Jelaskan persediaan yang perlu ada pada diri seseorang penyelidik yang menggunakan Pemerhatian atau Pengamatan sebagai satu kaedah pengumpulan data atau bahan dalam bidang sastera lisan. Bincangkan bagaimanakah kaedah itu dilaksanakan sehingga menjadikannya salah satu kaedah yang berkesan.

BAHAGIAN B

4. “Seniman adalah asalnya orang yang berpaling daripada realiti kerana tidak dapat menyesuaikan diri dengan tuntutan supaya menolak kepuasan naluri yang semula jadi, dan kemudiannya dalam hidup fantasinya rela mengadakan cita-cita yang erotik dan besar. Tetapi dia dapat mencari jalan untuk kembali dari dunia fantasi ke realiti, iaitu fantasinya menjadi satu realiti yang baru, dan kita menerimanya sebagai bayangan yang bernilai terhadap hidup kita yang benar”.

Dengan merujuk kepada pendapat Freud di atas bincangkan keberkesanan teknik-teknik fantasi, halusinasi dan mimpi dalam memperkayakan persoalan pengarang di dalam mana-mana sebuah karya kesusasteraan moden.

5. Huraikan ciri-ciri penting di dalam kritikan feminis dan bincangkan setakat manakah kritikan feminis memperkayakan analisis sebuah karya yang dipilih.
6. Kesusasteraan lazimnya dianggap sebagai cermin masyarakat. Namun begitu, ramai pengarang lebih cenderung menggunakan teknik yang lebih kreatif daripada **teknik memetik** untuk mensatirakan kelemahan-kelemahan masyarakat.

Bincangkan pernyataan-pernyataan di atas dengan menganalisiskan mana-mana sebuah karya kesusasteraan moden.